

▼04/04/16-04MST

CNS7817

R GB 04-04 00163 PB574

aab

(Ulangan Pembetulan)

Mahathir-Pelaburan

MAHATHIR ALU-ALU PELABURAN OLEH JUTAWAN HK

KOTA KINABALU, 4 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengalu-alukan rancangan jutawan terkemuka Hong Kong, Richard Li, untuk melabur di Malaysia.

" Kita alu-alukan semua pelabur asing. Siapa juga yang dengan ikhlas ingin melabur di Malayusia kita terima..kita alu-alukan," katanya kepada pemberita di sini semalam semasa ditanya mengenai rancangan Li yang diumumkan baru-baru ini.

Li, pencipta rangkaian televisyen satelit pertama di Asia, Star TV, dalam interviu dengan Bernama dan akhbar Utusan Malaysia di Hong Kong bulan lepas berkata, berkata beliau akan menggunakan sebahagian daripada keuntungan AS\$400 juta (RMI bilion) yang diperolehinya daripada penjualan Star TV untuk melabur di Malaysia, terutama dalam bidang telekomunikasi dan infrastruktur.

Dr Mahathir, ketika menjawab satu lagi soalan pada persidangan akhbar di akhir jawatan dua hari ke sini, berkata beliau tidak menyalahi Li kerana menjualkan Star TV kepada Murdoch.--Lagi

▼04/04/15-19MST

R GB 04-04 00171 PB575

aab

Mahathir-Pelaburan 2 (akhir) Kota Kinabalu

"Itu soal Star TV. Bukan salah dia...kalau orang nak beli dengan harga yang bukan-bukan, saya pun jual.

"Jika ada orang yang mahu membayar setengah ribu juta dolar untuk Star TV yang tidakpun beroleh keuntungan, jika saya di pihak Star TV saya akan jual. Jika saya tidak jual saya bodoh," kata Dr Mahathir.

Ekoran penjualan itu pada Julai lepas, Dr Mahathir melahirkan kebimbangannya mengenai kemungkinan Star TV akan menyertai media lain yang dikuasai oleh pihak Barat "untuk mewujudkan ketidakstabilan di rantau ini".

Pada September lepas, Li, anak kepada usahawan Hong Kong yang terkaya, Li Ka-shing, mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir di Kuala Lumpur di mana Perdana Menteri memberitahunya bahawa kritikananya mengenai Star TV bukan ditujukan kepada keluarga Li. Sebaliknya, beliau hanya mengkritik media Barat kerana menggalakkan ketidakstabilan di Asia.

Star TV menyiarkan five rangkaian berupa rancangan sukan, muzik, berita dan hiburan kepada kira-kira 11 juta kediaman di 38 negara di Asia.--Bernama

AU

▼04/04/15-25MST